

22/02/2002

Isu air boleh cetus konflik dua negara

Razali Zakaria

KENYATAAN bekas Panglima Medan Tentera Darat Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lt Jeneral (B) Datuk Seri Zaini Mohd Said bahawa isu air Malaysia-Singapura berpotensi membawa konflik ketenteraan jika tidak diselesaikan dengan baik, ada kebenarannya.

Sebagaimana bangsa Melayu Islam Singapura 30 tahun lalu tidak pernah menyangka bahawa kerajaan republik itu akan mengharamkan pemakaian tudung bagi murid sekolahnya, begitu juga kita tidak boleh menolak bulat-bulat bahawa konflik ketenteraan antara Malaysia-Singapura pada masa depan yang berpunca daripada air tidak akan berlaku.

Sebagai bekas pegawai tentera yang sudah lama berkhidmat dengan pasukan bersenjata, Zaini pastinya menyedari sejarah Malaysia dan Singapura sebelum mengeluarkan kenyataan mengenai isu itu yang disifatkannya sebagai 'yang paling serius'.

Zaini juga pastinya menyedari bahawa air sebagai sumber keperluan yang amat penting dalam kehidupan manusia, malah lebih diperlukan daripada bekalan elektrik, boleh dijadikan antara 'alat' jika tercetusnya peperangan. Sama ada air digunakan sebagai senjata atau sasaran serangan, ia bergantung kepada konflik antara negara berkaitan.

Sejarah membuktikan air bukan saja pernah menyebabkan tercetusnya konflik politik, malah perang antara negara kerana berebut kawasan bahan semula jadi itu atau bantahan kerana sistem salirannya.

Konflik boleh tercetus apabila ada negara lain yang cuba mengawal sumber air negara jiran. Antaranya konflik di Afrika iaitu hubungan Botswana dan Namibia yang kerap kali tercetus apabila Namibia mahu meneruskan rancangan membina paip yang akan melencongkan Sungai Okavango ke timur negaranya, menyebabkan aliran air tidak melalui Botswana.

Namun, potensi tercetusnya perang kerana berebut air lebih banyak tertumpu di Timur Tengah. Almarhum Raja Hussein Jordan pernah berkata, negaranya hanya akan berperang dengan Israel kerana negara Yahudi itu mengawal bekalan air ke Jordan.

Begitu juga Malaysia yang membekalkan lebih separuh keperluan bekalan air Singapura. Pada 1997 lalu negara pernah mengugut menghentikan bekalan air ke Kota Singa jika republik itu terus mengeluarkan kenyataan mengkritik polisi Kuala Lumpur.

Bayangkan, jika Malaysia benar-benar mengambil tindakan demikian. Pastinya kebimbangan Zaini akan menjadi kenyataan kerana Singapura tidak akan membiarkan Kuala Lumpur menghentikan bekalan air yang boleh menjejaskan rakyat dan industrinya.

Dalam sejarah sejak sudah dicatatkan sekurang-kurangnya 20 krisis politik dan perang berpunca daripada air atau kawasan bekalan air menjadi sasaran serangan.

Mengikut catatan awal pada 1503 konflik ketenteraan tercetus apabila pemerintah Pisa merancang melencongkan Sungai Arno yang turut mengairi Florence. Antara konflik lain yang ada kaitan dengan air ialah:

- \* 1642 ketika pemerintahan Dinasti Ming di China;
- \* 1863 - Perang saudara di Amerika Syarikat;
- \* 1898 - Konflik membabitkan tiga negara iaitu Mesir, Perancis dan Britain apabila sekumpulan pengembara Perancis menguasai Sungai Nile Putih;
- \* Ketika Perang Dunia Ke-2, kawasan tadahan air serta empangan menjadi sasaran bom sama ada pihak bersekutu, Jepun atau Jerman;

\* 1947 - Konflik India-Bangladesh berkaitan Sungai Ganges;  
\* 1948 - Perang Arab-Israel apabila bekalan air ke Tebing Barat dipotong; dan

\* Antara 1999 hingga 2000 konflik membabitkan Namibia, Botswana dan Zambia berkaitan sempadan dan kawalan air di Pulau Sedudu/Kasikili dan Sungai Zambesi/Chobe. Kes itu kini dibicarakan di Mahkamah Antarabangsa.

Dalam isu air di rantau ini, Singapura bukanlah dalam keadaan terdesak, tetapi kekurangan bekalan seperti yang diumumkan Public Utilities Board (PUB) negara itu menyebabkan suhu Kota Singa meningkat.

Tanpa sungai atau tasik untuk menjadi punca bekalan air dan dikelilingi pula air masin, Singapura selagi ada bulan dan bintang terus berharap Malaysia dapat membekalkan air mentah berterusan bagi pelbagai kegunaannya.

Ketika perjanjian air 1961 membekalkan air Sungai Skudai, Gunung Pulai dan Teberau, termasuk kawasan tadahan air Pontian hanya tinggal kira-kira sembilan tahun lagi untuk tamat, isu harga masih menghantui pegawai dua negara untuk menjalin perjanjian baru.

Begitu juga isu harga turut menjejaskan perjanjian air 1962 yang akan tamat pada 2061.

Termeterai dalam perjanjian, Malaysia menerusi Johor membekalkan 350 juta gelen air mentah sehari kepada Singapura dengan harga 3 sen setiap 1,000 gelen dan menjual balik air yang sudah dirawat sebanyak 37 juta gelen pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Secara kasarnya bermakna Singapura membelanjakan kira-kira RM1.05 bilion untuk membeli air mentah dan mendapat semula kira-kira RM1.85 bilion hasil jualan air yang dirawat.

Dengan alasan terpaksa menanggung pelbagai kos operasi, seperti infrastruktur, empangan, saluran paip, loji, peralatan dan operasi, Singapura enggan bersetuju apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lalu, mengumumkan Malaysia akan menjual air mentah kepada jirannya itu pada harga 60 sen bagi setiap 1,000 gelen.

"Malaysia meminta harga yang amat berpatutan bersesuaian dengan perkembangan dunia sekarang," kata Dr Mahathir, baru-baru ini apabila menjelaskan mengenai perbincangan isu air antara dua negara yang belum mencapai kata putus.

Perdana Menteri yang mengesahkan perbincangan pegawai dua negara hanya mencapai sedikit kemajuan, bagaimanapun berharap keputusan akhir dapat dibuat segera kerana sebarang kelewatan tidak memberi keuntungan kepada Malaysia yang menjual air kepada Singapura.

Singapura pula dengan beberapa alasannya membuat tawaran balas dengan kesediaan membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah dari Malaysia, kurang 15 sen daripada tawaran Malaysia. Ini sememangnya tidak menghairankan kerana umum mengetahui sikap republik itu yang tidak akan mengalah kepada jirannya, walaupun ia memerlukan pertolongan.

Ini ternyata apabila Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong menyatakan pendiriannya yang tidak akan berkompromi dalam isu bekalan air, walaupun negaranya kini mula berhadapan krisis air.

Walaupun, kerajaan republik itu berusaha mengadakan perjanjian dengan Indonesia untuk mendapat bekalan air dari Bintan atau menghantar pegawainya ke beberapa negara Timur Tengah bagi mengkaji sistem pemprosesan air laut, kos yang terpaksa ditanggung terlalu tinggi.

Rakyat Malaysia pada zaman sains dan teknologi semakin canggih dan mencecah alaf baru tetap menganggap menjual airnya pada harga 3 sen dan membeli balik pada harga 50 sen, suatu perbuatan tidak masuk akal.

Oleh itu, Singapura sekurang-kurangnya perlu lebih waras untuk menilai sama ada 3 sen, 45 sen atau 60 sen itu lebih mendatangkan manfaat dari pelbagai segi atau mungkin Malaysia terpaksa memulakan semula tawaran baru

dengan meletakkan harga RM1.

Apapun, sama ada rakyat Malaysia atau Singapura masing-masing setakat ini masih berharap krisis harga air mentah dapat diselesaikan segera dan tidak menjadi pencetus konflik politik atau lebih jauh membawa kepada perang atau terpaksa diselesaikan oleh pihak ketiga.

(END)